

Tempat ketiga Pertandingan Reka Cipta Multimedia peringkat kebangsaan **SSIL** harumkan nama **UMS**

Oleh **HAMDEN RAMLI**
utusanabah@utusan.com.my

LABUAN 31 Ogos – Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) mengharumkan nama Universiti Malaysia Sabah (UMS) apabila memenangi tempat ketiga Pertandingan Reka Cipta Multimedia peringkat kebangsaan yang berlangsung di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dungun Terengganu, baru-baru ini.

Dengan kemenangan itu, pasukan yang diwakili pelajar Tahun Tiga, Lee Swee Kee dan tiga pelajar Tahun Dua iaitu Nashira Putri Nazari, Maizatul Ikmal Harun dan Mohd. Shukor Mohd. Taslim menerima hadiah wang tunai RM300, trofi dan sijil penyertaan selepas menewaskan 30 kumpulan lain.

Pegawai pengiring yang juga Pensyarah SSIL, Leau Yu Beng berkata, pasukan tersebut berhadapan dengan pelbagai cabaran sebelum mendapat kemenangan berkenaan.

Antara cabaran tersebut, ujarinya, adalah apabila pihak penganjur telah membekalkan perisian yang tidak berpadanan antara satu sama lain iaitu Macromedia Director MX 2004 dan Adobe Flash CS3.

“Masalah tersebut telah dikesan oleh pe-

serta UMS di mana projek Flash CS3 tidak dapat dimasukkan ke dalam Macromedia Director untuk integrasi seterusnya.

“Setelah berbincang dengan penganjur, mereka bersetuju kumpulan UMS menggunakan perisian Adobe Director 11.5x yang boleh menyokong projek Flash CS3 untuk menghasilkan produk interaktif bertajuk Green Computing,” katanya di sini hari ini.

Yu Beng berkata, selain itu, kumpulan yang sama telah memenangi tempat keenam dalam satu lagi kategori pertandingan iaitu Pengaturcaraan membabitkan 40 kumpulan yang bertanding.

Menurutnya, dalam pertandingan itu, kumpulan berkenaan dikehendaki mencari penyelesaian terhadap tujuh soalan berkaitan pengaturcaraan antarabangsa dalam masa lima jam.

“Pertandingan ini dijalankan dalam masa nyata (*real time*) iaitu setiap kumpulan dibenarkan menghantar program yang telah disiapkan untuk penyemakan panel dengan menggunakan Programming Contest Control System (PC2).

“Ini merupakan cabaran bagi kumpulan UMS kerana penggunaan sistem tersebut ada-

lah sesuatu yang baru bagi mereka dalam penyelesaian program C++ dan Java,” katanya.

Beliau menambah, penyertaan dalam pertandingan itu bukan saja dapat memberi pengalaman yang bermakna kepada peserta, malah telah mengharumkan nama SSIL dan UMS secara keseluruhannya.

Yu Beng berkata, pertandingan itu dianjurkan oleh Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) UiTM Terengganu dengan kerjasama Pusat Pengajian Sains Komputer (PPSK) FSKM, UiTM Malaysia.

Pertandingan tersebut merupakan kesinambungan pertandingan sama yang pernah diadakan di FSKM, UiTM Malaysia pada 2008.

Katanya, penyertaan kedua-dua pertandingan tersebut terbuka kepada pelajar yang mengikuti program Diploma atau Sarjana Muda di Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang belum tamat pengajian.

Sebanyak 30 kumpulan telah menyertai pertandingan Reka Cipta Multimedia (Green Computing) manakala dalam pertandingan Pengaturcaraan (C++ & Java) disertai 40 kumpulan daripada 20 buah IPT.



LEAU Yu Beng (kiri) bersama peserta dari SSIL, UMS-KAL yang memenangi tempat ketiga Pertandingan Reka Cipta Multimedia di Dungun, Terengganu, baru-baru ini.